

**TALKING POINT SEMPENA
PERJUMPAAN MINGGUAN BERSAMA
PENGURUSAN TERTINGGI UNIVERSITI
18 JULAI 2018
DI KOMPLEKS SUKAN UniMAP, PAUH PUTRA**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera

Salam Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan UniMAP

SALUTASI

Rakan-rakan saya, Timbalan - timbalan Naib Canselor UniMAP

Yang Berusaha Pegawai -Pegawai Utama Universiti

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan,

Seterusnya staf Universiti Malaysia Perlis yang saya kasihi sekalian.

KATA ALU-ALUAN

1. Alhamdulillah, bersyukur kerana kita masih lagi diberi peluang oleh Allah Aza Wajalla untuk berkumpul di pagi yang berbahagia ini dalam Progam Perjumpaan Mingguan Bersama Pengurusan Tertinggi Universiti.
2. Setinggi-tinggi terima kasih diucapkan kepada semua yang hadir pada pagi ini, saya berharap agar pada pagi yang indah lagi permai ini, semua warga UniMAP sihat, cergas dan cerdas dalam menjalankan tugas masing-masing.

Hadirin hadirat sekalian,

INFO KESIHATAN

GINGIVITIS

3. Pada minggu ini, saya akan berkongsi Info Kesihatan berkenaan ***Gingivitis*** yang disediakan Pusat Kesihatan UniMAP. Mungkin frasa ini jarang sekali kita dengar. Ia adalah penyakit di dalam rongga mulut yang kerap dihadapi orang dewasa.
4. Berdasarkan Survey Kesihatan Mulut Kebangsaan tahun 2010, hanya 27.4% orang dewasa datang ke klinik pergigian untuk melakukan pemeriksaan gigi pada tahun semasa. Alasan yang paling kerap untuk tidak datang melakukan pemeriksaan gigi adalah “tiada masalah gigi” (67.7%) dan “terlalu sibuk” (9.3%), sementara 32.9% orang dewasa berfikir bahawa kunjungan ke klinik gigi adalah suatu “pengalaman yang menakutkan”.
5. Gingivitis adalah keradangan yang terjadi pada gusi disebabkan oleh jangkitan bakteria di dalam rongga mulut yang menyebabkan pembengkakan jaringan gusi di sekitar gigi. Tanda-tanda keradangan gusi seperti gusi berwarna merah terang atau agak keunguan, gusi mudah berdarah masa memberus gigi atau menggunakan benang gigi, nafas berbau dan gusi bengkak.
6. Gingivitis boleh dirawat melalui rawatan *scaling* atau dikenali sebagai cuci gigi, *root planning* untuk menghaluskan permukaan akar gigi daripada calculus sehingga sisa makanan tidak mudah melekat dan *curettage*.
7. Gingivitis boleh dicegah dengan menggosok gigi secara teratur, sekurang-kurangnya 2x sehari (pagi dan malam sebelum tidur), gunakan *dental floss* untuk mengeluarkan sisa makanan yang melekat di celah gigi, gunakan ubat kumur antiseptik, tidak merokok, minum air kosong selepas makan, kurangkan makanan dan minuman berkadar gula tinggi dan lakukan pemeriksaan gigi 2x setahun. Peralatan kesihatan pergigian seperti ini juga boleh diperolehi di Pusat Kesihatan UniMAP dengan harga berpatutan.

Hadirin sekalian,

PROGRAM YANG TELAH BERLANGSUNG

Warga UniMAP yang saya kasihi ,

PROJEK PENGANTARABANGSAAN: KESUKARELAAN & TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (IVCORE) DI CANA, THAILAND

8. Untuk makluman semua, Majlis Persatuan Pentadbir Universiti Awam Malaysia (MASTI) melalui Persatuan Pegawai Tadbir & Ikhtisas (POTENSI) UniMAP sekali lagi telah menjadi penganjur bagi Projek Pengantarabangsaan : Kesukarelaan dan Tanggungjawab Sosial Korporat (iVCORE) di Cana, Thailand pada 12 hingga 15 Julai lalu membabitkan 50 peserta. Lebih menarik lagi, program ini merupakan penganjuran pertama kali program USR di peringkat antarabangsa.
9. Saya dimaklumkan bahawa delegasi iVCORE turut menjalankan projek USR di Sekolah Santiwit Chana di mana ia merupakan sekolah persendirian yang dibangunkan dengan menempatkan 200 anak-anak yatim Muslim lingkungan usia tiga hingga 18 tahun dari tiga wilayah Thailand dengan kemudahan asrama mereka serba daif.
10. Deligasi ini telah dilepaskan DYTM Tuanku Canselor UniMAP yang juga Raja Muda Perlis , Tuanku Syed Faizuddin ibni Tuanku Syed Sirajuddin di PPK Pembuatan.
11. Setinggi-tinggi syabas dan tahniah diucapkan kepada POTENSI UniMAP yang diterajui Presidenya YM Raja Shah Erman Raja Arifin di atas kejayaan menganjurkan program ini. Saya berharap lebih banyak lagi program USR seperti ini akan dapat diadakan di masa akan datang.

Hadirin sekalian,

**MAJLIS PENYERAHAN BENDERA SEMPENA KEJOHANAN MAJLIS SUKAN
UNIVERSITI MALAYSIA (MASUM)**

12. Pada Jumaat lalu turut diadakan Majlis Amanat dan Penyerahan Bendera Kejohanan Karnival Sukan MASUM di Kolej Kediaman PF12. Saya difahamkan pada kejohanan kali ini kita menyertai sebanyak empat acara disertai kontinjen UniMAP bagi karnival MASUM Fasa Satu iaitu Taekwando (Lelaki & Wanita), Bola Keranjang (L&W), Bola Baling (L) dan Silat (L&W) manakala bagi Fasa Dua, dua acara akan disertai UniMAP iaitu Bola Tampar (L&W) dan Karate Do (L&W).
13. Kita mensasarkan DUA emas, LIMA perak dan ENAM gangsa. Semoga kita berjaya mencapai sasaran pingat ini dan membawa pulang kejayaan. Selamat Maju Jaya kontinjen UniMAP!

Hadirin hadirat sekalian,

PENUTUP

14. Saya rasa cukup sahaja sampai di sini ini. Semoga perkongsian pada hari ini memberikan manfaat kepada kita semua.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh.